

Transformasi perniagaan PR1MA lancar

→ Proses pemulihan agensi dijangka selesai Jun

Oleh Nurhayati Abillah

nurhayatiabllah@bh.com.my

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sedang melaksanakan langkah transformasi untuk memastikan agensi perumahan itu kekal selari dengan matlamat agenda perumahan nasional, sekali gus menyesuaikan diri dengan keadaan pasaran.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Nazri Md Shariff, berkata usaha berkenaan kini berjalan lancar dan transformasi perniagaan adalah sebahagian daripada strateginya.

“Usaha sedang dilakukan dan ia berjalan dengan lancar untuk memastikan pemulihannya berjaya. Proses berkenaan dijangka selesai pada Jun tahun ini,” katanya dalam satu kenyataan.

PR1MA ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 untuk merancang, membangun, membina dan mewarkan perumahan berkualiti tinggi berkonsepkan gaya hidup moden bagi penduduk bandar berpendapatan sederhana (M40).

Puji keputusan kerajaan
Mohd Nazri berkata, sebagai sebuah entiti kerajaan, PR1MA komited untuk menjalankan tanggungjawab



Mohd Nazri Md Shariff

dan sentiasa mengambil kira kepentingan pemegang saham, termasuk pembeli rumah.

“Pada masa sama, kami juga sedang melaksanakan satu langkah transformasi yang akan membantu memaksimumkan pemulihan agensi perumahan ini, sekali gus meningkatkan lagi perniagaan dan operasi kami,” katanya.

Justeru, katanya PR1MA memuji keputusan kerajaan untuk meneruskan program perumahan PR1MA, sekali gus meneruskan matlamat utama penubuhan agensi itu untuk membina kediaman berkualiti di kawasan bandar dan sub-bandar serta menyediakan rumah pada harga berpatutan kepada rakyat khususnya kumpulan M40.

Mengulas mengenai perkembangan PR1MA, beliau berkata, maklum balas yang diterima kekal positif, terutama daripada pembeli rumah berpotensi.

“Menerusi Kempen Pemilikan Rumah (HOC), PR1MA berjaya menerima tempahan jualan kira-kira 10,200 unit rumah dengan nilai jualan sebanyak RM2.56 bilion, dalam tempoh kurang dari tiga bulan selepas pelancaran HOC.

“Selain itu, pada masa ini, sejumlah 43,137 unit rumah PR1MA juga sedang dalam pembinaan. Banyak lagi inisiatif baharu dalam perancangan kami bagi menyampaikan agenda perumahan negara, selari dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat,” katanya.

Usaha PR1MA tepat

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, ketika dihubungi berkata, usaha yang dijalankan PR1MA itu adalah tepat kerana agensi itu perlu mengadakan model perniagaan baharu untuk terus kekal relevan dengan keperluan pasaran.

Katanya, matlamat penubuhan PR1MA untuk menyediakan rumah mampu milik masih lagi relevan, namun bagi mencapai matlamat itu, ia boleh melaksanakan model perniagaan berbeza.

“Alternatif kepada PR1MA mungkin bersifat perkongsian perniagaan dengan pihak swasta, terutama koperasi yang kukuh serta mempunyai dana untuk membina atau membeli perumahan sedia ada dan menawarkan kepada ahlinya dengan kadar mampu milik melalui kaedah sewa beli atau musharakah mutanaqisah.

“Ini dilihat lebih sesuai kerana ketika PR1MA ditubuhkan, ia seolah-olah beroperasi seperti pemaju perumahan dan kepakaran serta pengalaman yang dimiliki oleh PR1MA agak terbatas dan menyukarkan mereka untuk berdaya saing serta memenuhi matlamat penubuhan,” katanya.

